

03/02/2000

Parti lawan perlu bersikap terbuka

Nuraida

MERUJUK kepada artikel "Nik Aziz gesa tunai nazar" dalam Berita Harian keluaran 29 Januari lalu, saya ingin memberi pandangan saya tentang tindakan pembangkang untuk memulaukan akhbar tertentu, radio dan televisyen tempatan mulai 1 Februari lalu. Tindakan memulau ini dicadangkan oleh Parti Keadilan Nasional dan disokong oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mahukan ia berjalan selama tiga bulan.

Apa yang menghairankan alasan yang diberikan oleh Nik Aziz untuk menyokong tindakan pemulauan ialah kerana media tempatan dikatakan berbohong mengenai parti pembangkang.

Sebagai rakyat Malaysia, saya rasa tindakan memulau akhbar ini hanya membuktikan sempitnya pandangan dan fikiran pihak pembangkang untuk menerima kritikan terhadap kelemahan mereka. Pihak pembangkang sepatutnya mencontohi kerajaan yang selama ini membiarkan rakyat Malaysia didedahkan dengan pelbagai bentuk media tempatan dan asing, termasuk yang mengkritik pemimpin dan negara kita.

Walaupun menghadapi kritikan bertalu-lalu bertahun-tahun lamanya dari sesetengah media dalam dan di luar negara, kerajaan masih membenarkan jualannya. Ini adalah kerana kerajaan sedar rakyat mempunyai hak dan tahu membezakan antara berita berniat baik dan berita yang berunsurkan pembongkaran dan fitnah.

Tindakan memulau hanya mencerminkan sikap kebudak-budakan parti pembangkang yang tidak rela dikritik. Bukankah pihak pembangkang sendiri menggunakan pelbagai saluran untuk mengkritik kerajaan dan pemimpin negara seperti Harakah, tabloid pro pembangkang dan laman-laman web? Kritikan dan fitnah (termasuk berita buruk mengenai kesihatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini) dimuatkan setiap hari, namun Kerajaan tidak pula menggesa rakyat memulau media pro-pembangkang ini.

Inilah bezanya antara kerajaan yang memberi kebebasan untuk rakyat membuat pilihan dan keputusan, dan pihak pembangkang yang hanya mahu rakyat mendengar kata-katanya sahaja.

Bagi saya, kerajaan bersikap adil kerana setakat ini tidak ada pemimpinnya, termasuk Dr Mahathir, yang mengambil tindakan pulau terhadap mana-mana surat khabar, majalah atau laman web pro pembangkang.

Jika pembangkang tidak rela dikritik, kenapa pula pemimpin-pemimpin parti pembangkang sendiri sanggup menghantar siaran akhbar dan mengadakan sidang akhbar untuk media tempatan? Ketika media ini menggunakan komen mereka, tidak pula pemimpin berkenaan bising tetapi apabila terkena kritikan, terus mendakwa media tempatan berbohong.

Saya harap pihak pembangkang akan bersikap lebih terbuka dan menghormati hak rakyat Malaysia yang mampu berfikir dan membezakan antara kebenaran dan fitnah. Janganlah bersikap "baling batu, sembunyi tangan" kerana rakyat sedar tujuan sebenar tindakan pemulauan ini adalah untuk menutup kelemahan pihak pembangkang sendiri.